

Headline	Bakal Peguam Muda		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	25,28,37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	1821 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSMALINI MD YAKIN	AdValue	RM 10,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,045



# Bakal Peguam Muda

**MAHKAMAH** Syariah sinonim juga dengan nama Mahkamah Keluarga yang membicarakan isu-isu kekeluargaan Islam seperti perkahwinan, perceraian dan hak-hak yang timbul selepas perceraian serta implikasinya.

Tanpa peguam syarie dan hakim sesuatu perbicaraan melibatkan institusi kekeluargaan sudah semestinya tidak dapat dilaksanakan di Mahkamah Syariah kerana jawatan tersebut adalah tunjang utama penyelesaian sesuatu kes.

Pengalaman dalam Pertandingan Mahkamah Mut Syariah Peringkat Kebangsaan (PMMS) atau boleh disebut perbicaraan mahkamah olok-olok yang diadakan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah titik permulaan penuntutnya melangkah ke dunia sebenar, sama ada sebagai peguam atau pun hakim. Ia menjadi pembelajaran amali yang amat berkesan.

# Pelajari tangani masalah syariah

Mut Syariah medan mencabar keupayaan mahasiswa

Oleh: ROSMALINI MD YAKIN  
(rosmalini@sinarharian.com.my)

**M**ahkamah Syariah sangat signifikan dengan Mahkamah Keluarga. Masyarakat Islam yang hadir ke mahkamah adalah untuk membuat

Headline	Bakal Peguam Muda		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	25,28,37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	1821 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSMALINI MD YAKIN	AdValue	RM 10,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,045

pelbagai tuntutan dan runtunan emosi yang membekam di hati.

Di situ juga hakim akan menilai kemesraan anak-anak dengan ibu-bapa dan tempat yang paling selesa bagi anak-anak yang mumaiyiz membuat pilihan hadhinah bagi tuntutan Hak Jagaan (hadhanah) dan hak lawatan.

Memandangkan senario itu memang berlaku dalam sesuatu percicaraan, ia sedikit sebanyak memberi idea kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menganjurkan Pertandingan Mahkamah Mut Syariah Peringkat Kebangsaan (PMMS).

Ia menjadi pengukur kesediaan mahasiswa Fakulti Syariah dan Undang-Undang di setiap universiti sebelum melangkah keluar memilih profesion sebagai peguam syarie, pendakwa syarie atau hakim.

Pertandingan Mut Syariah boleh dianggap berprestij dalam kalangan institusi pengajian tinggi di Malaysia kerana mendapat kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-Universiti Malaysia (Matdum) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang (USIM) Mustafa 'Afifi Ab Halim berkata, USIM sebagai Sekretariat Majlis Tatatertib dan Matdum, mengambil inisiatif untuk menganjurkan PMMS kali ke-2 dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang adalah Jawatankuasa Pelaksana terhadap penganjuran.

"Pertandingan ini adalah untuk memartabatkan undang-undang syariah dalam arus perdana, setara

dengan metod dan amalan disiplin pengajian undang-undang sivil di Malaysia.

"Penyertaan dibuka kepada institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S) yang menawarkan sarjana muda dalam bidang undang-undang, syariah serta pengajian Islam.

"Setiap kumpulan diberikan kod pasukan bagi memelihara kerahsiaan identiti institusi yang bertanding. Kod ini telah diguna pakai pada semua urusan PMMS termasuklah jadual pertandingan yang diberi kepada pasukan dan hakim, hujahan bertulis serta tanda nama pada bilik-bilik kumpulan," katanya.

Menurutnya, sebanyak 12 pasukan meliputi tujuh IPTA dan IPTS menyertai pertandingan ini. Ia memperlihatkan

cabaran penuntut Fakulti Syariah dan Pengajian Islam dalam penyediaan hujahan bertulis dan penghujahan oral secara profesional dengan pihak lawan selaku pendakwa dan peguam.

"Pertandingan Mut Syariah ini juga dapat mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan peserta, jurulatih, penyelidik Mut dan penyokong Mut serta institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia.

"Selain memartabatkan undang-

undang syariah, seterusnya memperlihatkan mahasiswa kepada umum tentang penggunaan undang-undang syariah substantif dan prosedur sesuai dengan amalan undang-undang syariah di negara ini," katanya.

### PENGANJURAN MUT SYARIAH DI PERINGKAT ANTARABANGSA

USIM yang mengungguli Pertandingan Mahkamah Mut Syariah Peringkat Kebangsaan bukan sahaja menjadi tuan rumah, tetapi muncul sebagai pasukan terbaik dalam pertandingan tersebut yang diwakili mahasiswa Fakulti Syariah Undang-Undang, menerima wang RM5,000 berserta piala.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, USIM berjaya menjadikan Pertandingan Mut Syariah Peringkat Kebangsaan kali ke-2 ini sebagai satu realiti.

"Mungkin kita boleh mencipta ruang agar pertandingan ini dianjurkan di peringkat antarabangsa, tetapi perlu ditimbang beberapa perkara dari sudut aplikasi undang-undang dan bidang kuasa antara negara.

"Saya tidak merasakan ia satu perkara yang mustahil untuk dilaksanakan suatu hari nanti," katanya pada majlis penutup pertandingan tersebut.

Sementara itu, Dekan Fakulti Undang-undang dan Syariah USIM, Prof Dr Abdul Sabat Musa berkata, USIM akan terus menganjurkan PMMS pada tahun akan datang memandangkan ia mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

"Bagi mengekalkan mutu pertandingan, soalan Mut disediakan oleh PGSM, sebuah badan bebas yang berkelayakan dan berautoriti dalam

amalan perundangan syariah di Malaysia.

"Penglibatan badan-badan seperti JKSM dan PGSM memberikan impak

positif kepada peserta pertandingan dari segi pengajian, penyelidikan dan perundangan Islam," katanya.

Abdul Samat berkata, penganjuran PMMS di USIM adalah bersesuaian dengan bidang bitara (*niche area*) USIM iaitu pengajian Islam dan misi universiti, iaitu bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang ke hadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

"Selama dua hari, tujuh IPT antaranya USIM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) menunjukkan kehebatan masing-masing.

### RASAI SUASANA KAMAR MAHKAMAH

Pertandingan Mahkamah Mut Syariah ini telah dihakimi oleh hakim-hakim, peguam-peguam syarie dan tokoh-tokoh dalam perundangan syariah.

Penglibatan badan-badan seperti JKSM dan PGSM memberikan impak berharga dan positif bukan sahaja kepada peserta pertandingan, tetapi melibatkan pengajian, penyelidikan dan perundangan Islam.

Perlaksanaan slot dan penghakiman hujahan lisan, disediakan PGSM yang menjurus kepada tuntutan penjagaan anak.

Peraturan pertandingan adalah seperti pertukaran hujahan bertulis, penghakiman hujahan bertulis dan hakim-hakim hujahan lisan.

Hakim yang menghadiri percicaraan

juga menjadi pengadil, terdiri mereka yang arif dalam perundangan negara. Mereka diberi dua borang pemarkahan untuk diisi iaitu borang pemarkahan hujahan lisan wajib dan borang pemarkahan hujahan lisan pilihan.

Penghujah dinilai berdasarkan pengetahuan undang-undang 30 peratus, penggunaan undang-undang ke atas fakta 25 peratus, kebijaksanaan dan kebolehan menjawab soalan 30 peratus, gaya percakapan dan bahasa tubuh 10 peratus dan pengurusan masa serta struktur penghujahan 5 peratus.

Penentuan anugerah, pemenang dipilih berdasarkan markah purata individu tertinggi setiap sesi pada pusingan saringan yang disertai.

Markah individu diberikan oleh tiga

Headline	Bakal Peguam Muda		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	25,28,37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	1821 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSMALINI MD YAKIN	AdValue	RM 10,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,045

hakim. Purata jumlah markah tersebut menentukan pemenang bagi anugerah penghujah terbaik.

#### APA KATA MEREKA:

“Pertandingan seperti ini perlu dipraktikkan kerana ia dapat membantu seseorang penuntut agar lebih berketerampilan pada masa akan datang, daya kepimpinan mereka lebih menyerlah untuk menjadi bakal peguam atau pendakwa raya suatu hari nanti.”

- Mohd Heizal Fahmi Mohd Jais, 25



“Sebagai mahasiswa yang terlibat dalam bidang undang-undang, pertandingan Mahkamah Mut Syariah ini menjadi platform simulasi atau penglibatan awal individu sebelum melangkah ke alam kerjaya sebenar.”

- Umi Kalsom Shafie, 25



“Wadah keterlibatan mahasiswa dalam membicarakan isu-isu berhubung tuntutan berbangkit terhadap institusi kekeluargaan yang terlibat dalam permasalahan syariah.”

- Farid Zuhrri Ismail



Barisan peserta yang membawa USIM juarai Pertandingan Mahkamah Mut Syariah.

Headline	Bakal Peguam Muda		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	25,28,37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	1821 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSMALINI MD YAKIN	AdValue	RM 10,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,045



Hakim-hakim melangkah dengan gayanya untuk ke sesi perbicaraan Mahkamah Mut Syariah.

Hakim Mahkamah Syariah Persekutuan turut menjadi juri pertandingan.